

Saya tidak berhasrat jadi PM semula — Dr. M

KOTA BHARU 28 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan pihak tertentu bahawa beliau mengkritik kerajaan secara terbuka kerana menyimpan hasrat untuk kembali menjadi Perdana Menteri.

"Saya tidak mahu kembali menjadi Perdana Menteri. Sudah cukup, 22 tahun sebagai Perdana Menteri, lebih lama daripada sesi-apa pun," katanya.

Bekas Perdana Menteri yang mengadakan lawatan sehari ke sini berkata, sebagai anggota UMNO yang menyokong kuat perjuangan parti, beliau membuat teguran untuk kepentingan parti, negara dan orang Melayu.

"Sebagai anggota UMNO, saya akan teras berjuang dan tidak akan menyerah dengan mudah," katanya kepada pemberita di hotel penginapannya di sini selepas majlis makan tengah sempena lawatannya sehari ke sini.

Sebelum itu, majlis ucapan Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa tergendala apabila beliau disembur oleh bahan pemedih mata oleh orang yang tidak dikenali dan akibatnya terbatuk-batuk dan pedih mata.

Menjawab soalan sama ada tindakan beliau mengkritik kerajaan secara terbuka boleh merosakkan perpaduan UMNO, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak timbul kerana ia merupakan perkara yang biasa berlaku dalam parti.

Katanya, beliau tidak khuatir tentang perkara itu kerana akhirnya orang UMNO akan patuh kepada mereka yang berjuang untuk UMNO, orang Melayu dan agama Islam.

"Kalau kita bersatu padu buat kejahatan, itu saya menentang. (Kita) bersatu padu untuk kebaikan," katanya.

Katanya, beliau tidak peduli sama ada sumbangannya dihargai atau tidak ke-

rana apa yang penting ialah UMNO, orang Melayu dan negara ini tidak dirosakkan.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah bekerja keras untuk negara dan mempunyai tanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada penduduk mengenai apa yang baik dan buruk untuk Malaysia.

Dr. Mahathir juga meneruskan program lawatannya pada sebelah petang dengan berucap panjang lebar kepada kira-kira 5,000 jemputan pada majlis dialog mengenai beberapa isu melibatkan kerajaan yang dibangkitkan beliau sebelum ini.

Dikawal

Beliau, yang dikawal ketat oleh pengawal peribadi juga kelihatan tidak terjejas dengan kejadian disembur bahan pemedih mata pada sebelah pagi.

Majlis Dialog Isu-Isu Semasa Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad itu dianjurkan oleh Jawatan Kuasa Penaja Alumni Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) UMNO Kelantan, yang dipengerusikan bekas Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Hadir sama pada majlis itu ialah bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamed Yaacob Abdullah dan veteran UMNO Kelantan, Tan Sri Hussein Ahmad.

Dalam sesi penjelasan dan soal jawab kira-kira dua jam itu, Dr. Mahathir mengulangi kenyataan bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya atau sebagai presiden parti pada pemilihan UMNO akan datang.

Dr. Mahathir menghadiri satu lagi majlis yang dipanggil Perjuangan Yang Belum Selesai di sebuah hotel di sini malam ini.

- Bernama